

Filipina perlu percepatkan proses hantar gadis didakwa dirogol — Rais

UM 28 OCT 2002

BATU KIKIR 27 Okt. — Kerajaan Filipina perlu mempercepatkan proses penghantaran pulang gadis berusia 13 tahun yang mendakwa dirogol semasa ditahan di Pusat Tahanan Sementara, Sabah, selepas dia didapati sebenarnya rakyat Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, tindakan sedemikian perlu selepas dokumen pengesahan warganegara gadis tersebut diserahkan oleh kerajaan Malaysia kelak.

Bagaimanapun, beliau bimbang bahawa jika negara jiran itu tidak mengiktiraf dokumen pengesahan warganegara tersebut akan merumitkan lagi proses penghantaran pulang gadis berkenaan.

“Sekiranya Kerajaan Filipina tidak mengiktiraf dokumen Ja-

batan Pendaftaran Negara (JPN) dan mendakwa gadis itu adalah rakyatnya, masalah ini akan berpanjangan.

“Tetapi sehingga hari ini, Kerajaan Filipina tidak pernah menyuarakan bahawa gadis tersebut adalah rakyatnya,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Yayasan Jempol Bakti di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas sebab sehingga sekarang Kerajaan Filipina belum menghantar pulang gadis tersebut ke Malaysia.

Kes berkenaan mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menulis surat kepadanya meminta Kerajaan Malaysia menyiasat dakwaan gadis berkenaan yang di-

katakan rakyat Filipina dirogol dalam pusat tahanan itu.

Bagaimanapun pada 13 Oktober lepas, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Ramli Yusuff memberitahu bahawa hasil ujian DNA menunjukkan gadis itu adalah seorang rakyat Malaysia.

Gadis tersebut yang kini berada di Filipina mungkin perlu kembali ke Malaysia bagi membantu menyelesaikan siasatan kes tersebut serta memberi keterangan kepada pihak polis dan mahkamah.

Rais memberitahu, persoalannya ialah sama ada kerajaan Filipina mempunyai bukti-bukti bahawa gadis itu adalah rakyatnya.

“Sekiranya tidak ada, gadis berkenaan perlu dihantar pulang ke Malaysia dengan segera,” katanya.